**Tuan Pengerusi:** *We just mark it at the bottom.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *I know. Just now there is one which says ada alternatif to it. If just that,* contoh *21 years of age*, kita perlu buat satu syor *because this one is 'Syor Jawatankuasa', you have to remember.* So 'Syor Jawatankuasa', katakanlah umur 21 tahun, kalau ada seperti *disagreement*, semua Ahli Jawatankuasa bersetuju dengan *that one* para 4.1 tadi, *21 years of age* kecuali *whoever*. Kalau ada lain-lain, *it cannot be under "Syor Jawatankuasa", cannot.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *No, but you can say kecuali...*

**Tuan Pengerusi:** *You can name them atau kawasan, bukan?*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Yes, of course. It is going to be there.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Kecuali Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Rasah yang berpendapat bahawa pengundi diiktiraf apabila mereka tukar MyKad...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *I know but then...*

**Tuan Pengerusi:** Tarikh kelayakan 18 tahun.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ya. *But it cannot be a 'syor of Jawatankuasa'.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya, *but we can state your opinion.*

**Tuan Pengerusi:** *How do you accommodate...*

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya cadangkan begini Tuan Pengerusi...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** “Syor Jawatankuasa” is purely yang 21 tahun, yang lain itu tidak bersetuju. *That is it. You cannot have another syor* tidak bersetuju dan syor itu adalah..., adalah.... *It is does not become a* “Syor Jawatankuasa”.

**Tuan Pengerusi:** Kalau begini, tidak bersetuju dan mencadangkan tahun kelayakan 18 tahun...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** No, Tuan Pengerusi. *That just not become* “Syor Jawatankuasa”. *People will get confused...*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** We do not put on the syor but mereka berpendapat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya punya pandangan begini Tuan Pengerusi. Cadangan Setiausaha tadi, hanya berkuatkuasa bagi syor tertentu yang mendapat konsensus semua Ahli Jawatankuasa. Itu yang pertama.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Yes. *That is what I mean.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi kalau ada syor yang ada pandangan yang berbeza, saya bersetuju dengan cadangan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Alor Gajah di mana – memang benar syor itu bukan lagi “Syor Jawatankuasa”. Kalau ada *disputed*, ia bukan ‘syor’. Jadi seperti tadi disebut, ‘syor’ ini dipersetujui kecuali tiga orang, katalah Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Wangsa Maju berpandangan... *[Disampuk] Three plus one*, empatlah.

**Tuan Pengerusi:** Belum kira lagi. Belum *decide*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Jangan marah dia, Tuan Pengerusi. Dia sudah setuju dengan kami ini. Berpandangan umur ini diturunkan kepada 18 tahun. *Then it is okay*, seperti cadangan Yang Berhormat Alor Gajah.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Is within. It is not* “Syor Jawatankuasa”. “Syor Jawatankuasa” *is only one which is 20 and above* begitu...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** No. *That is not* “Syor Jawatankuasa”, because kita tidak agree. *It is because we are part of the Jawatankuasa.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *That is why I am trying to say*, kalau... *[Disampuk] No, no, this is the thing.* Kalau Laporan Jawatankuasa adalah laporan yang mengandungi perkara-perkara yang dipersetujui oleh Jawatankuasa, *be it belah bahagi ataupun tidak*. So kalau-lah isunya isu 21 tahun ataupun 20 tahun itu, itu masalah dibawa kepada Majlis. “Ahli yang bersetuju kata setuju, kalau tidak, kata tidak”. *That is it.* Itu dia keputusan Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi:** Suara majoriti.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *That is it.* Itu merupakan syor Jawatankuasa. *There is no other explanation to it. So...*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Datuk Setiausaha, kalau...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *No. I just putting out how usul seperti dibawa ke Dewan. Bagaimana seseorang Pengerusi ataupun Speaker makes a decision on the House. They makes on ‘Ya’ atau ‘Tidak’ is one masalah brought to the House. “Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah umur yang hendak dicadangkan adalah 20 tahun dan ke bawah...” Something like that lah. “Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju kata setuju ,dan yang tidak kata tidak”. Dikira, then okey you setuju, setuju, setuju...*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Itu peringkat mana itu?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ini peringkat belah bahagilah. *All*, semua Jawatankuasa begitu di bawah Peraturan Mesyuarat 84. Itu yang menjadi “Syor Jawatankuasa”. Lain tidak masuk dalam “Syor Jawatankuasa”. *You can deliberate at all level* Peringkat Jawatankuasa yang lain-lain, *but does not appear* dalam “Syor Jawatankuasa”...

**Tuan Pengerusi:** *But you can mention that you tidak setuju...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tidak setuju tetapi...

**Tuan Pengerusi:** *Cannot give* pandangan.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tidak. Selalunya tidak ada dalam ini pula pandangan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, Setiausaha, saya cadangkan begini dan...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *I am trying to...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *I am suggest this formula.* Saya cadangkan formula begini. Katakan para 4.1 di sini, kita tidak setuju, tetapi majoriti setuju. Syor ini masih menjadi “Syor Jawatankuasa”, sebab melalui undi majoriti. *So, dalam bracket* di para 4.1 itu, mungkin dikatakan, “Syor ini dipersejukan dengan undi majoriti kecuali...”, siapa yang membantah, tidak bersetuju seperti Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kuala Krai. *We put in bracket* lah.

■1530

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Yes, that is why I said* semua bersetuju kecuali Ahli...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tak apa. Saya belum habis... Okey, *then you put a note there*, di bawah semua syor ini, ada nota mengapa kita tidak setuju, itu yang kita minta. Kita tidak setuju para 4.1 sebab kita merasakan pandangan kita ialah sepatutnya diturunkan ke umur 18 tahun dan pendaftaran dibuat secara automatik. *So, ada alasan dia.* Kita tidak mahu ada satu situasi bawaha kita tidak bersetuju tetapi kita tidak ada satu pandangan balas. Itu yang kita minta. Mungkin alasan itu bukan di dalam syor tetapi di bawah syor itu ada nota penjelasan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Akan tetapi kesemua nota ini mesti ada rakaman yang..., *you know, immediate.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ya, ya. *That is why what I am saying is whatever in ini, yang lain-lain itu kita discussed macam-macam ini, that become part of the laporan prosiding. All the argument, whatever...*

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, semua ada.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *But the "Syor Jawatankuasa" yang we made, then it become "Syor Jawatankuasa", tetapi in exception of syor ini, semua bersetuju kecuali four...*

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Setiausaha Dewan kerana sesuatu usul yang kita putuskan ini mestilah *clear*, spesifik. Akan tetapi apa-apa yang dalam prosiding ini akan dirakamkan dalam itu – *so*, dalam satu keputusan, kita tengok di Dewan banyak manapun dia diluluskan, dan ia tidak tulis pun diluluskan dengan majoriti 10 orang atau 100 orang. Tidak, ia diluluskan oleh Dewan, *it has been pass by Parliament*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *To resolve this problem, we put under Jawatankuasa Kecil - keputusan. Jawatankuasa Kecil can deliberate there, majority of Ahli hendakkan macam ini tetapi keputusan Jawatankuasa, Syor Jawatankuasa adalah yang itulah, kecuali berapa orang yang tidak setuju. Perkara-perkara yang justification of tidak setuju, the other side.*

**Tuan Pengerusi:** *So, sebenarnya bukan syor tetapi dalam Jawatankuasa itu, your stand is already recorded you know, that yes we go for this but ada dengan alasan.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Termasuk Ahli-ahli yang tidak setuju.

**Tuan Pengerusi:** *Because at the moment, kita hanya boleh catat bahawa mereka tidak setuju tetapi tidak boleh tambah, kenapa tidak setuju.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, cadangan Yang Berhormat Rasah ialah untuk adakan satu nota.

**Tuan Pengerusi:** Tidak bolehkah?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Yang Berhormat *that becomes – I do not know. Because that become macam minority the... I am thinking aloud okay, please assist also. At this juncture* yang kita hendak nampak adalah “Syor Jawatankuasa”. *For each and every “Syor Jawatankuasa” ada setuju dan tidak setuju, you have another few paragraphs on perkara yang tidak menjadi majoriti persetujuan then it is bukan “Syor Jawatankuasa”.* “Syor Jawatankuasa” adalah yang terletak itulah, *five, three, whatever*.

**Tuan Pengerusi:** Cadangan-cadangan yang ...

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya lah, betullah. Itu maksud saya. Saya bukannya masuk dalam syor itu tetapi selepas syor ini, di bawah semua syor itu ada satu perenggan, mungkin nota penjelasan. *That is a form of minority report.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *No, no. There is only one report. Report* Tuan Pengerusi. *That one is keseluruhan bersetujulah. Kita cuba hendak buat macam mana untuk beri clear...*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, saya berpandangan kalau tidak dipanggil *minority report*, pendirian saya ialah asalkan kita tidak melanggar peraturan mesyuarat yang sedia ada, penambahan satu nota itu juga tidak melanggar mana-mana peraturan.

Bagi saya, itu kita kena terima sebab saya sudah cadangkan daripada awal lagi bahawa ini adalah Jawatankuasa Penambahbaikan. Tidak semestinya kita kena ikut cara lama, *submission* cara lama, kaedah lama. Asalkan ia tidak langgar peraturan yang sedia, ada apa salahnya kita *include one small paragraph*, Yang Berhormat Alor Gajah juga berpendirian yang sama, di mana kita nyatakan ketidaksetujuan kita atas alasan kita berpandangan 18 tahun dan *automatic registration*. Itu sahaja sebab bukan di sini tempatnya kita hendak membahas, perbahasan itu adalah di dalam Dewan Rakyat.

Mereka yang menentukan akhirnya cadangan yang mana yang akan diterima, bukan di sini. *So*, saya ingat ini satu tindakan yang proaktif tetapi tidak melanggar peraturan sedia ada. Saya ingat kita kena ambil pendirian begitu.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ya nanti kita teliti semula dengan Datuk Roosme dan Penasihat Undang-undang.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ya. *I am just highlighting*, "Syor Jawatankuasa" untuk yang diterima oleh Majlis adalah syor yang dibuat butiran itu, Para 2.3 adalah – katalah umur 20 tahun tadi, itu Jawatankuasa, *majority of it*.

**Tuan Pengerusi:** *Then put bracket there*, yang berkecuali...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ya, kecuali yang ini...

**Tuan Pengerusi:** Yang mencadangkan tarikh, umur kelayakan 18 tahun dan *automatic registration - one line* sahaja, bukan begitu?

**Beberapa Ahli:** Ya, *one line*.

**Tuan Pengerusi:** *I think we check back the record, if it is possible in bracket*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *I am just put in it* kepada semua Jawatankuasa *that* yang...

**Tuan Pengerusi:** Syor *would be those point*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Syor *would be* keputusan yang kita menerima semua kecuali kalau yang tidak ada itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Ini *just like...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Kecuali kita sebutlah nama-nama Ahli-ahli yang tidak setuju.

**Tuan Pengerusi:** *So, that is like a footnote, at least you are able to explain what the...*

**Tuan Loke Siew Fook:** Yes, what we already ask for is just a footnote. Nota penjelasan.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tuan Pengerusi, *I would see setiap vote so that you can see...*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sebentar, *we follow* peraturan tetapi *we will check it*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Setiap, *because it cannot be a footnote, it has to be here.* Katalah tidak setuju pada para 2.3, semua setuju dan bawah itu tidak setuju, yang ini tidak setuju.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *just the line.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *In a same topic, just di bawah ada note.*

**Tuan Pengerusi:** *We will check with Legal Advisor.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ya, ya. *What I meant is* di bawah itu mengatakan semua Ahli bersetuju kecuali orang ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. So...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Akan tetapi Tuan Pengerusi, *you cannot have a full paragraph on our discussion.*

**Tuan Pengerusi:** No, no. *I think of the name* dan yang mencadangkan *you said* 18 tahun dan pendaftaran automatik. *Which is one line. At least you got a room to explain...*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Okey, so...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** So, yang ada pengecualian *put in writing* lah Yang Berhormat, kita tengok. Bagi dia punya teks.

**Tuan Pengerusi:** *One line only.* Akan tetapi *we check with* peraturan.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *The same problem will be use... Postal vote for* petugas media. *If disagree then mereka rasa lebih awal or something like that...*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Once you accepted this one, for all other recommendation* samalah. Kalau yang kita tidak ada konsensus 100%...

**Tuan Pengerusi:** *We will check with Legal Advisor opinion on the matter.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ya, *I will check because...*

**Tuan Pengerusi:** *But I would like to make it, if it is impossible because it is just a clarification but then we have patuh kepada first-past-the-post*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Peraturan mesyuarat *because I have abide to mistake...*

**Tuan Pengerusi:** Okay, sure. Okey, *the next is pembubaran. Our...*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri][Mikrofon dimatikan]*

**Seorang Ahli:** Parlimen, bukan?

**Tuan Pengerusi:** Ya. Pembubaran, *we decided on our side here to stick with what we have.* Up to SPR untuk tentukan *the end and provision for the Prime Minister to bubar. Okay, but if you want to study for jangka panjang. I think, let the younger generation of Yang Berhormat Gombak and the group... [Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, seperti juga perenggan yang sebelumnya, kita juga ada *reservation* tentang ini kerana ini banyak dibangkitkan mengenai tarikh dan tempoh sesuatu Parlimen itu. Jadi, kita hendak mengesyorkan satu...

**Tuan Pengerusi:** *A bit too early I think.*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Bukan tarikh yang khusus seperti Pilihan Raya Presiden Amerika, ada hari dan adalah bulan berapa. Kita mengatakan tidak boleh dibubarkan, katalah enam bulan daripada tarikh terakhir yang ianya terbubar sendiri. *At least ada period. So that*, kita boleh menjangkakan bila, enam bulan terakhir.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Yang Berhormat Kuala Krai cadangkan pilihan raya tidak boleh dilaksanakan sehingga empat tahun, selepas empat tahun...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Empat tahun setengah ya.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Empat tahun setengah. Oh!

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya lah enam bulan, *last six months* sahajalah. Kalau empat tahun setengah tidak ada makna kebanyakan pilihan raya kita begitu. Akan tetapi *you know...*

**Tuan Pengerusi:** *You mean automatic, you can have...*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *No, automatic* itu lima tahun selepas Mesyuarat Pertama.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *You want to shutter the window right?*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *Last six months automatic.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Last six months before the automatic. Automatic* itu adalah *last day*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Akan tetapi *six months* itu *anytime, during that six month*. Itu terpulang kepada siapa yang berkuasa.

**Tuan Pengerusi:** Ya. *Before that* tidak boleh?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Mesti sudahlah. Tidaklah dua tahun, tiga tahun atau empat tahun tetapi enam bulan terakhir. Barulah ada satu tempoh pentadbiran yang lebih munasabah.

■1540

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya ingat di Britain kita pergi, ingat di London, dia ada – tetapi dia ada proviso.... *[Disampuk]* Dia ada proviso. Saya tidak berapa....

**Tuan Wee Choo Keong:** *In UK* dia ada *provacative to...*, samalah *Parliamentary democracy Westminster style* yang sama dengan kita, tetapi Yang Berhormat Kuala Krai kena faham juga, nanti mereka jadi kerajaan pun, kena sekat juga itu.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Kita bercakap tetapi apabila kita...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *I think we should study the proviso dalam lain dia ada proviso. Kalau government has to force to hold an election earlier, there is proviso. Like UK, like UK. But this one applies to the state as well lah, yang ini. Ini applicable to the state as well ini because mengikut Perlembagaan kita, the state will have to follow lah. The state have to follow lah semua. Selangor, serupalah, macam Kelantan.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Boleh Yang Berhormat Kangar teliti ini untuk kita bincang esok tidak? Sedikit yang proviso itu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook:** *In UK ini...*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kangar ini bahagian undang-undang.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *I'll check, I'll check, okay.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau Kangar boleh bantu kita, esok kita bincang lebih *detail* soal ini. Proviso ini ya.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Esok, esok. We meet jam 2 lah, *continue*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Esok jam 2.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Selasa, pagi?

**Tuan Pengerusi:** *Thursday* tidak boleh.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Pukul 11.30...

**Tuan Pengerusi:** Pukul 11.30? Okey, bisa, bisa. Bilik, bilik hendak cari.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *Four years* lah.

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Wee Choo Keong:** *Four years, reasonable* lah.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Four years. Let me come out with the proviso, okay?*

**Tuan Pengerusi:** Okey Ahli Yang Berhormat. Tadi apabila saya – so this one will be dirujuk balik esok kalau ada proviso, *okay*. Maybe sebelah kami pun boleh runding kalau begitu, *you know* – tetapi tidak ada juga – adakah tiga tahun punya hendak bubar, dia mahu tanding lama-lama kah, *you know*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Okey tetapi begini. Yang Berhormat, tadi kita bincangkan yang *making a* kaveat bila kita katakan bahawa dipersetujui Syor Jawatankuasa. *I think Setiausaha is still concern that she thinks also it would be nice and neat* sepertimana dalam *Parliamentary parties* yang lain. So, apa yang kita katakan, hanya kita boleh katakan setuju kecuali *we named the* Yang Berhormat – kawasan, *and full stop*. You punya alternatif pandangan itu, kita masukkan sebelum itu di dalam cadangan. Katakan seperti tadi kan.

Seorang warganegara - yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak, Kuala Krai berpandangan bahawa, *they have usia 18 tahun dan pendaftaran secara automatik. So, penjelasan sudah masuk di atas dan kita sebut siapa yang tidak setuju. So, neat kita tulis, tidak adalah exceptions. All right? We do that way. So, you put your pandangan dengan nama, so we will know what is your stand, so di bawah syor adalah begini kecuali so and so.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Boleh tidak esok yang Jawatankuasa Kecil punya laporan pun diedarkan untuk kita tengok macam mana ayat itu.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Loke Siew Fook:** Untuk esok, untuk esok. Untuk mesyuarat esok.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa Kecil punya itu. Itu sudah saya terima...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Jawatankuasa Kecil...

**Tuan Pengerusi:** ...Dari semua.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tidak, maksudnya sebab – kalau format ini kita guna pakai, kita kena mungkin draf balik ayat itu.

**Tuan Pengerusi:** *I see. I see.*

**Tuan Loke Siew Fook:** Dalam Jawatankuasa Kecil itu.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi itu kebanyakan saya tengok *straight forward*. Laporan macam kita punya kan. Jawatankuasa sendiri mencadangkan, mencadang, mencadang. Gombak punya paling nipislah. Dua, tiga perkara sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya punya enam, tinggal dua sahaja. Habis hilang.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi...

**Tuan Pengerusi:** Dia masuk lain tempat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Maknanya dia masuk tempat lain.

**Tuan Pengerusi:** Perundangan masuk dahulu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi kekalkanlah dalam Jawatankuasa saya.

**Tuan Pengerusi:** Oh.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tidak apa?

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Itu boleh nampak dalam Jawatankuasa Kecil.

**Tuan Mohamed Azmin Ali :** Cuma...

**Tuan Pengerusi:** *So, tidak apa. You check lah.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tidak apalah. Kita hendak tengok dia punya *wording* dahulu sebab dua-dua pilihan pun, tidak melanggar mana-mana peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Dia kata yang kedua itu...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** ...Assume must be definitive. Definitive. So, I think it is better because you got the chance to...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, I think pendapat daripada kes, they want to know the other syor. Akan tetapi kalau syor itu dimasukkan sebagai salah satu nota, okey, akhirnya satu syor sahaja tetapi telah pun dibincangkan perkara-perkara ini tetapi akhirnya keputusan ialah ini. Okey. I think setiausaha betul. There should be only satu syor. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Then, exception I mention a new explanation is di atas sana, why, you know, because you want 18 and automatic. I think you should write. Better lah. Better. Lagipun, I think bukannya terlampau banyak mengenai ini. Caretaker government ini daripada kumpulan...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, saya rasa mesyuarat yang lepas kita telah putuskan yang 6.2 itu dikeluarkan daripada perenggan ini. Ayat 6.2 itu. I think kita sudah putuskan masa itu.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Sebab the whole idea kalau...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Okey.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sudah...

**Tuan Loke Siew Fook:** Mesyuarat lepas telah putuskan dikeluarkan.

**Tuan Pengerusi:** So, okay. I mean actually this one is not only the Federal, the state also. You know, okay. Sesuatu kajian lebih terperincilah, we suggesting dapat dibuat. All right.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** So we delete this 6.2.

**Tuan Pengerusi:** Para 6.2, data mengatakan the statement.... Okay. Para 7. Ini daripada kami punya. We just want to highlight the fact that you memberi, pindah alamat palsu. We must give the amalan that you can go to jail for it, you know. That's waktu kita di Germany, di England, the way they respect the law very different and take action on those people. Dalam borang-borang sedia ada pun, already dimasukkan dalam Borang Pindaan Alamat, dalam borang di JPN tetapi tidak ada tindakan dibuat. So, kita Jawatankuasa bahagian sana mengatakan bahawa, to enforce this one and you need, SPRM to come into although I don't see how SPRM can actually – is more politicking. It is more to..., what we called it.. So maybe it's not really SPRM, you know. Okay.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, I think to make this more awesome, I think we have to state that the section 15 to National Registration Act, perlu dipinda dengan satu hukuman because at the moment, it said that, every change of address, have to be reported. Akan tetapi tidak ada hukuman, jika tidak... So, kalau hendak buat...

**Tuan Pengerusi:** Betulkah JPN?

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Kalau hendak...

**Tuan Pengerusi:** Dia kata perlu tetapi dia tidak denda, kalau tidak buat.

**Tuan Wee Choo Keong:** So, kalau hendak lengkap....

**Cik Zarifah binti Zulghaffar [Pegawai Undang-undang (Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia) Jabatan Pendaftaran Negara]:** Tuan Pengerusi, yang sebenarnya ada peruntukan untuk penalti. *Unfortunately*, aduan tidak ada. Aduan tidak ada ke JPN yang mengatakan orang itu tidak duduk di situ.

**Tuan Pengerusi:** Dia ada tetapi dia pergi SPR.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *What is the punishment?*

■1550

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Maksimum tiga tahun penjara dan maksimum RM20,000 denda.

**Tuan Pengerusi:** Untuk maklumat palsu?

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Untuk maklumat palsu.

**Tuan Pengerusi:** Mengenai dengan alamat?

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini *for failure to report*.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini bukan *for failure to report*.

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Bukan *failure*. Sekarang ini *for the time being*, kita tidak ada aduan yang mengatakan orang menyalahgunakan alamat. Memang tidak ada.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya lah, yang senarai ini dalam senarai pemilih. Kita bukan ada satu senarai alamat yang ada di JPN itu. Kalau kita dapat senarai JPN, boleh kita *check* sama ada orang itu di alamat itu ataupun tidak. Akan tetapi ini berkaitan dengan alamat di daftar pemilih. Jadi laporannya semua pada SPR lah. Memang kita tidak lapor situ. Kalau kita open *the flood gate*, saya risau JPN tidak ada kerja lain, hanya *swap* benda itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Lagi?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jangan main-main...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Are we going to make an offence kalau orang yang tukar alamat tapi dia gagal maklumkan kepada JPN, is that an offence? Is that will be an offence*, atau macam mana?

**Tuan Wee Choo Keong:** *I think*, kalau kita hendak *facilitate* semua ini, apa-apa yang disyorkan di sini, kita perlu menyatakan dengan tepat bahawa sesiapa yang telah memindah kepada alamat yang baru dalam 90 hari, dia perlu buat satu permohonan baru untuk memindah alamatnya dalam *National Registration*. Jika tidak, barulah kata, apakah hukumannya. So kalau kita hendak...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sekarang ini ada *provision* bukan, ada peraturan dalam...?

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak tukar?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kalau tidak maklum pertukaran.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak maklum pertukaran, ada dalam akta, ada penalti untuk itu?

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Dalam masa 90 hari, dia kena maklum pada JPN.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak?

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** *Unfortunately* kita hendak buat..

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya rasa tidak ada tempoh dalam itu.

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Dalam tempoh 90 hari dia kena datang bertukar. Kalau dia tidak datang bertukar, kita pun tidak tahu dia tidak bertukar. Itu masalahnya sekarang. Kalau ada orang adu, yes, kita boleh ambil tindakan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *There is a punishment section?*

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Ada. Sama.

**Tuan Pengerusi:** *Then* menguatkuasakan seksyen 15 lah kalau begitu. Apa seksyennya itu?

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Dia bawah seksyen 15, kesalahan di bawah seksyen 25. Peraturan 25.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Setiausaha.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Pengerusi, saya hendak...

**Tuan Pengerusi:** Seksyen 15.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Peraturan 15.

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Peraturan 15. Kesalahan bawah Peraturan 25(1)(f).

**Tuan Pengerusi:** Peraturan? *Confusing, two figures you giving me*, peraturan apa?

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Peraturan 15, dan peraturan 25(1)(f), Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan 15 dan peraturan 25...

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Ya, 25(1)(f).

**Tuan Pengerusi:** Kurungan apa?

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** (1)(f).

**Tuan Pengerusi:** (1)(f). *Big "-F-" or small "-f-"*

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** *Small "-f-".* Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990.

**Tuan Pengerusi:** PUU, ambil maklumat ya. Perubahan kepada... So, Akta 5 bagi SPR dan bagi pendaftaran. So, ini 7.5 buanglah ini. SPRM ini. *I think* kalau itu ada *benefit in kind, rising from certain action...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Can I have a copy of that?*

**Tuan Pengerusi:** Ya, adik... Or tuan or puan... Dia masih muda nampak, so saya panggil adiklah... [Ketawa] Panggil "Tuan" lah senang... [Disampuk] Sorry ya. Ini *Parliamentary Sitting* ini. Panggil "Tuan" juga walaupun wanita.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi kita bincang mengenai memberi maklumat palsu, bukan *failure to report, a change of address*kah. Macam mana cerita ini? Ini kita cerita ini penguatkuasaan peraturan sedia ada...

**Tuan Wee Choo Keong:** Kalau *to make our syor-syor ini more meaningful*, kena ada beginilah. Kalau tidak, *I think this will be just window dressing only*. Kita kena ada satu hukuman.

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Ada?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Alright.* Okey dia memang ada dalam Peraturan 15. Dia mengatakan mana-mana orang yang berdaftar di bawah peraturan-peraturan ini yang bertukar tempat kediamannya ke satu tempat yang dia mungkin tinggal lebih tempoh 90 hari, *then* dalam masa 14 hari dari pertukaran itu hendaklah melapor fakta itu kepada Pejabat Pendaftaran yang berdekatan dan hendaklah memohon kad pengenalan gantian. *There is a requirement of the law under peraturan 15.*

Jika dia gagal, di bawah peraturan 25(1)(fa), gagal mematuhi mana-mana peraturan-peraturan 88(a), (13), (15). Itulah. Okey. Adalah melakukan satu kesalahan terhadap peraturan ini dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan denda Ringgit Malaysia dua puluh ribu. *That is number one. Failure to inform.* Akan tetapi di bawah itu dikatakan, di bawah kesalahan 25 pula, memberi apa-apa butir yang disebut dalam ini, apa-apa ini tidak, dan dikehendaki – palsu lah. *Also the same. So, sudah ada sudah.*

**Tuan Pengerusi:** Kuatkuasa sahaja.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Memberi maklumat palsu ataupun *failure to report. Both punished under the same* peraturan 25, di mana kena tiga tahun. Oh, dahsyatnya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Pengerusi, dalam perkara ini *just the matter with interest* ya. *Assuming*, seseorang itu dia jadi calon, okey? Dia jadi calon, dia berpindah. *So, it is already breaching this you know. Using the old address but they move to another address...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *And then fail to inform.*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** *Fail to inform... [Disampuk] No, no. That's mean he is already breach the undang-undang you know. So the implication is very big.*

**Cik Zarifah binti Zulghaffar:** Yes.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Memang melanggar undang-undanglah itu. Boleh dikenakan denda berapa puluh ribu?

**Tuan Pengerusi:** Ringgit Malaysia dua puluh ribu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Or tiga tahun penjara.

**Tuan Pengerusi:** Okay, we put this one. Mengambil maklum kepada akta sedia ada semua ini dengan yang satu ini dan disyorkan untuk melaksanakan, menguatkuasakan. Alright.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Peraturan?

**Tuan Pengerusi:** Peraturan, ya. Okay, I will redo this one. It is a little bit worthy. We just want the law to be apply, supaya people do not tukar address sewenang-wenangnya untuk satu, pindah tempat mengundi – sudah tidak betul. Okey? So this one no question. Faham ya.

Okey, penambahbaikan dari segi proses pilihan raya. Yang dimasukkan di sini tempoh kempen, now tujuh hari...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Minimum.

**Tuan Pengerusi:** Of course our pandangan di sini adalah, it is up to SPR but we are open to... .

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuntutan asal 21 hari. The last kita punya meeting, we are willing to direct negotiate for 14 hari. Itu tidak compromiselah itu.

**Tuan Pengerusi:** It can be 14, it can be 21, up to SPR, but, we are saying...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Kalau sekarang tujuh pergi ke 14, kami minta 21 turun ke 14, itu baru kompromi.

**Tuan Pengerusi:** Kami sepuluh.

#### ■1600

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, kita bincang ini, kita bincang tentang tempoh berkempen ini mengambil kira beberapa cadangan baru khususnya undi awal. Sekiranya tempoh itu terlalu pendek, ada tujuh hingga sepuluh, dia akan menggagalkan usaha undi awal itu. Oleh sebab minggu lepas kita bincang, kertas itu mula-mula prosesnya, kita hantar dengan pos directly to the voters. Itu mengambil masa.

Kemudian dia hendak pergi serah kepada kedutaan, kedutaan kumpulkan dalam satu tempoh masukkan dalam beg diplomatik dan dihantar ke sini. Jadi, kalau kita mencadangkan sesuatu yang bercanggah dengan ada cadangan yang lebih baik tentang undi awal, ia tidak membawa apa-apa semangat untuk menambahbaikkan. Jadi, mengapa hendak letak sepuluh kalau kita merasakan 14 itu lebih praktikal dalam mengendalikan undi awal dan pada masa yang sama, tempoh kempen juga kita dapat lanjutkan daripada satu minggu kepada dua minggu walaupun ada juga cadangkan 21.

Jadi, saya ingat lebih baik kalau kita dapat 14, then we get the consensus rather than ten and satu, 14. Ia akan ada kesan kepada cadangan yang baik itu - undi awal warganegara Malaysia. Jadi, saya minta rakan-rakan pertimbangkan baliklah perkara ini.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ambil kira juga, kita sekarang ini tidak ada lagi bantahan. Jadi, *on the second day, ballot papers can be printed.* Dulu kena tunggu hari yang keempat baru kita boleh *bring the ballot papers.* Jadi hari keempat, kalau 14 hari itu tolak empat, sepuluh harilah itu... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Mengambil kira yang *mail* semua ini. Dulu tujuh, kami tambah tiga hari. Itu pun pihak SPR tidak terikat. *What we have saying is minimum. I think tujuh hari kita setuju. Now with this* tidak ada bantahan, semua *ballot papers* boleh *print and at the end of the day,* memanglah SPR yang menentukan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Minimum, minimum.

**Tuan Pengerusi:** Kami bersedia untuk naikkan tiga hari, minimum sepuluh.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *A bit long to some...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak ada bantahan sudah. Kalau ada bantahan 14 days, okay. Sekarang tidak ada bantahan, di hari keempat *we save four days, three days minimum.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Bantahan terakhir hari ketiga.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya lah, hendak *print.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *So, now dua hari sahaja kita save.*

**Tuan Pengerusi:** Hari ketiga, dua hari.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Dua hari sahaja.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Hari ketiga bantahan habis, baru hari keempat hendak *print.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, kami sepuluh minimum. *It's up to SPR untuk hendak beri kami 21 hari... [Ketawa] Minimumlah, I am talking about minimum.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau tidak setuju 14, *then make sure* kita ambil 21.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *The 21 is my number... [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey dimasukkan di atas, yang mana tadi dan pandangan bahawa umur 21 dan kami setuju di sini kecuali yang tujuh. *So, they know your stand is 21.*

**Seorang Ahli:** Alright.

**Tuan Pengerusi:** *Access to Media* - di bawah kepala ini. Saya melihat cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada juga yang mujarab-mujarab sekali.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya ingin..., ada pindaan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila cadangkan kepada Jawatankuasa.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kepada perkara 9.2. *"Jawatankuasa mengambil maklum SPR..."* Saya mencadangkan perkataan tidak mempunyai kuasa itu dibatalkan dan dipotong dengan menggantikan:

*“Jawatankuasa mengambil maklum SPR perlu meneliti Fasal 2, Perkara 115, Perlembagaan Persekutuan yang boleh meminta pihak berkuasa awam untuk memberikan apa-apa bantuan yang dapat dilaksanakan kepada Suruhanjaya dalam menunaikan tugasnya termasuk Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan berhubung dengan hal perkara yang melibatkan akses media kepada semua parti yang bertanding di dalam suatu pilihan raya...” Ayat berikutnya.*

**Tuan Pengerusi:** ....“...termasuk Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan...” itu dalam fasal 115, atau you punya tambahan?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tidak, itu tambahan. Kalau dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal 2, Perkara 115 ia menyebut: *“Apabila diminta oleh suruhanjaya, semua pihak berkuasa awam hendaklah memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang dapat dilaksanakan kepada Suruhanjaya dalam menunaikan tugasnya...”* Jadi, saya ambil Perlembagaan Persekutuan masukkan di sini kemudian saya masukkan perkataan, “...termasuk Kementerian Penerangan...” dan sambung ayat yang berikutnya. Oleh itu saya minta SPR untuk meneliti fasal ini. Itu yang pertama.

**Tuan Pengerusi:** Atau kementerian lain yang berkaitan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, kementerian lain yang berkaitan.

**Tuan Pengerusi:** Bukan sahaja...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Penerangan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau dipinda nanti satu hari MCMC pergi...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya setuju Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Satu agensi pergi MOSTI kah, nanti tidak...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Maknanya kementerian yang berkaitanlah. Itu para 9.2 Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *Secretary* ambil maklum.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kemudian, saya hendak mencadangkan supaya masuk satu fasal baru para 9.4., berbunyi... *“Jawatankuasa...”*

**Tuan Pengerusi:** Yang empat ini ada sudah?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu jadi para 9.5.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Gombak, saya belum diberi maklumat itu. Saya Ahli Jawatankuasa.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya lah. Saya hendak beri cadanganlah ini.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *You should discussed with me first, why?*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *No*, kita tengah bincang semua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *You should have – me first*, kerana ini Jawatankuasa. *I do not know what you are going to raise now.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** No, we are discussing all Jawatankuasa. Don't took it emotional.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** No, no emotional. I am just stating a point that I was in the same Jawatankuasa.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Then, what is the purpose of I discuss the earlier Jawatankuasa, where I was not a member of that Jawatankuasa.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** That is your problem.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Please lah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** The thing is you are going to raise something new. I do not know about it. You should have discussed with me.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Now, here ini Jawatankuasa seluruh.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Betul. Akan tetapi saya Jawatankuasa sama, saya tidak tahu langsung. Itu maksudnya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** No, no, I disagree with you. You dengar...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** I am not saying for you to agree with me. I am just giving my point.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** You dengar, you dengarlah!

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** No, saya...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau saya boleh bincang dengan Jawatankuasa yang lain where I was not part of the Jawatankuasa, apa masalahnya?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** No, that is not the point. The point is Yang Berhormat Gombak...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Then you listen.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** No, no.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** You may disagree.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** You may agree...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** No, no, no.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** You listen first.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Why must I listen? Because you are not listening to me.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau macam ini susahlah! If I can listen to other Jawatankuasa, your position...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** If you want me to listen to you, you must listen to me.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *No, you listen first!*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *That exactly what I am doing. I am just speaking.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *Then, you listen first.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *No, no. I need an explanation.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *Yes, I am explaining now.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *I need an explanation.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat begini. Saya ada di sini. Memanglah sebenarnya *you* boleh bentangkan itu. Akan tetapi Yang Berhormat Hulu Selangor *also right* kerana ini satu Jawatankuasa untuk respons sama ada setuju atau tidak, komenlah kita bersama semua Ahli.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi kita sudah bincang banyak perkara dalam Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya betul.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi pada hari ini saya dimaklumkan kita bincang semua cadang-cadangan Jawatankuasa Kecil...

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya betul. Akan tetapi...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Dan kita boleh membuat pindaan dan cadangan. Ada perkara kita setuju, ada perkara kita tidak setuju.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi ini pindaan *substantial* juga.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *No, ini cadangan yang saya hendak masukkan.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, baru cadangan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, *I just want to say he should have told me. Write a note to me that say... "Can I put this?..." I would have agree, itu sahaja. I do not want to be caught unprepared.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Untuk makluman, *I am just consulted with SPR Legal Advisor just a few minute ago*, untuk mendapat pandangan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *That's right, Sir but I am in...*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *So, now saya present the case.*

